

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

TARIKH : 27 OGOS 2020 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan akan mengkaji keberkesanan GST dan SST. Pada pendapat Menteri Kewangan sebagai pakar korporat dan ekonomi apakah yang lebih sesuai untuk negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, *Goods and Services Tax* (GST) merupakan sistem percukaian yang mesra perniagaan, berupaya menjana hasil yang lebih stabil, meningkatkan pematuhan cukai serta berupaya membendung aktiviti *black economy*.

Kerajaan terdahulu telah menggantikan sistem GST kepada cukai jualan dan cukai perkhidmatan mulai 1 September 2018 selaras dengan manifesto Kerajaan terdahulu untuk menghapuskan GST sebagai langkah mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Kerajaan sedang menilai keberkesanan pelaksanaan sistem cukai jualan dan cukai perkhidmatan. Pada masa yang sama, Kerajaan juga telah memulakan kajian kesesuaian bagi pelaksanaan satu bentuk cukai kepenggunaan yang lebih efisien berbanding cukai jualan dan cukai perkhidmatan meliputi kesan ke atas ekonomi, harga barang serta beban cukai ke atas pengguna supaya apa-apa model cukai kepenggunaan, jika dilaksanakan kelak perlulah lebih efisien dan efektif daripada model GST 2014 dan cukai jualan dan cukai perkhidmatan terdahulu.

Sekian, terima kasih.